

22 JAN 2002

PAS SEDIA SINGKIR GURU TASKI YANG MENGHASUT JIKA ADA BUKTI

PASIR MAS, 22 Jan (Bernama) -- Pas akan menyingkir mana-mana guru Pusat Asuhan Taman Kanak-kanak Islam (Taski) yang dikelolanya jika terbukti mereka menghasut pelajar untuk membenci pihak-pihak tertentu.

Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata tenaga pengajar di Taski diberi amanah untuk mendidik kanak-kanak pra-sekolah dengan asas pembelajaran iaitu menulis, mengaji dan mengenali Allah.

"Sekiranya betul ada guru menghasut (kanak-kanak) untuk membenci orang lain, kita pun tidak setuju dan kita sedia ketepikan guru macam itu," katanya kepada pemberita di Pondok Lubuk Tapah di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji membuat peraturan melarang Pas daripada mengendalikan Taski jika institusi itu terus diselewengkan dan digunakan untuk mendidik kanak-kanak supaya membenci pemimpin dan kerajaan.

Nik Aziz berkata tanpa sebarang bukti, sebarang cubaan untuk menghalang Pas mengendalikan Taski dibuat bagi kepentingan politik.

"Sepatutnya kerajaan Malaysia berterima kasih kepada pihak yang mewujudkan kelas pendidikan untuk anak-anak kerana ia secara tidak langsung dapat mengurangkan bebanan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI